

Wanita UMNO Wilayah sokong penuh Abdullah

Um - 7/11/2006

KUALA LUMPUR 6 Nov. - Pergerakan Wanita UMNO Wilayah Persekutuan sebulat suara menyatakan sokongan penuh terhadap kepimpinan Perdana Menteri selaku Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Pendirian itu dibuat pada Konvensyen UMNO Wilayah Persekutuan yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini semalam.

Ketuanya, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata, pihaknya amat berterima kasih dengan visi dan polisi yang dilaksanakan oleh Abdullah di mana sentiasa mengambil kira serta memberi keutamaan sewajarnya kepada isu berkaitan golongan wanita.

Beliau yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata, di bawah kepimpinan Abdullah, kaum wanita terus diberi peluang dan tempat yang sewajarnya untuk meluaskan potensi dan keupayaan diri.

"Komitmen dan perjuangan beliau yang bersungguh-sungguh dalam membela na-

sib rakyat termasuk isu wanita dan kebajikan di pelbagai peringkat hingga ke akar umbi amat jelas.

"Perhatian dan keutamaan yang beliau berikan terhadap isu-isu ini telah memberi manfaat menyeluruh bukan saja kepada wanita tetapi juga semua ahli masyarakat," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Shahrizat menambah, Abdullah telah memberikan komitmen terbaik dalam memimpin negara, terbuka untuk menerima segala pandangan dan sentiasa bermusyawarah sebelum menentukan sesuatu keputusan.

Menurutnya, kepimpinan Abdullah begitu disenangi dan diyakini rakyat serta barisan pemimpin negara dan banyak perubahan positif telah dibawahnya sejak menerajui Malaysia.

Sehubungan itu, Shahrizat menegaskan, Wanita UMNO Wilayah Persekutuan akan terus bekerjasama dan memberi sokongan tidak berbelah-bahagi bagi memastikan kelangsungan pucuk pimpinan UMNO dan negara terus kukuh.